

Telephone: Brunei Students Unit  
(020 7402 0045)  
Brunei Hall  
(020 7402 0953)

Website: [www.upp.org.uk](http://www.upp.org.uk)  
Email: [admin@upp.org.uk](mailto:admin@upp.org.uk)



اونيت فنونت ووتز بروني

BRUNEI STUDENTS UNIT  
HIGH COMMISSION OF BRUNEI DARUSSALAM  
35 - 43 Norfolk Square  
London W2 1RX

**SURAT PERMAKLUMAN UNIT PENUNTUT-PENUNTUT  
BIL. 17/2020**

**KEPADA: SEMUA PELAJAR PENERIMA BIASISWA KERAJAAN DAN SBPP  
YANG MENUNTUT DI UNITED KINGDOM DAN IRELAND**

**PERMAKLUMAN TERKINI MENGENAI KELAYAKAN TAMBANG BIENNIAL  
LEAVE DAN TAHUN AKHIR 2020**

Dengan ini sukacita dimaklumkan kepada pelajar-pelajar berkenaan bahawa Unit Penuntut-Penuntut telah menerima maklumat terkini daripada Kementerian Pendidikan mengenai status kelayakan tambang Biennial Leave dan Tahun Akhir 2020.

Sehubungan dengan itu, disampaikan perkara-perkara berikut:

- i) Pelajar yang mempunyai kelayakan *Biennial Leave* dan **telah pulang** ke Negara Brunei Darussalam adalah dengan sendirinya telah menggunakan kelayakan tersebut (dikira mengawalkan tarikh *Biennial Leave*). Bagi yang telah membuat pembelian tiket sendiri, pelajar boleh membuat tuntutan pembayaran daripada Bahagian Biasiswa;
- ii) Pelajar layak dihulurkan tiket penerbangan satu hala ke United Kingdom atau Ireland kecuali bagi yang telah menghadapi tuntutan untuk pembayaran balik tiket dua hala;
- iii) Pelajar tahun akhir berhak menerima tiket Tahun Akhir (satu hala) ke Negara Brunei Darussalam seperti lazimnya;

- iv) Bagi pelajar penerima SBPP, adalah diberikan pengecualian dan pembelian tiket yang digunakan tidak dimasukkan sebagai hutang SBPP, mengambil kira keadaan kecemasan susulan penularan pandemik COVID-19.

Sehubungan dengan perkara (i) dan (iii), permohonan bagi tambang kelayakan *Biennial Leave* dan Tahun Akhir hanya akan diterima bagi pelajar-pelajar yang masih berada di United Kingdom atau Ireland. Permohonan kelayakan tambang tahun akhir (satu hala ke NBD) bagi pelajar yang masih berada di Negara Brunei Darussalam hanya akan diterima apabila pelajar telah berada di United Kingdom atau Ireland.

Walau bagaimanapun, semua permohonan hanya akan diproses setelah Syarikat Royal Brunei beroperasi semula dan tertakluk kepada keadaan keselamatan semasa pandemik COVID-19 mengikut arahan Kerajaan United Kingdom.

Akhirnya, didoakan semoga semua pelajar sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala. dan dihindarkan dari musibah penyakit COVID-19.

Sekian disampaikan.

WASSALAM



PG ALI SHAFIE BIN PG HJ ABAS

Pengarah Pengajian

Unit Penuntut-Penuntut, London

Rujukan: BSU E/5  
Tarikh: 11 Ramadhan 1441H / 5 Mei 2020M  
wo/welfare20